

11/02/2001

Tarikh akhir 10 Februari tidak patut berbangkit

Kadir Dokoh in Singapura

SINGAPURA: Kurangkan serangan menerusi media, selesaikan semua isu dalam pakej penyelesaian, gerakkan hubungan peribadi di antara rakyat Malaysia dan Singapura serta elak membuat kenyataan yang boleh menyinggung perasaan antara satu sama lain.

Selain itu, lupakan peristiwa perpisahan Singapura 36 tahun lalu. Itu adalah antara intipati yang dirasakan boleh membantu melenyapkan sebarang ketegangan kedua-dua negara yang acapkali tercetus.

Laporan media misalnya perlu ditulis dengan adil tanpa prejudis atau mempunyai agenda tertentu. Misalnya, akhbar Singapura memutarbelitkan isu pemindahan Stesen Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar ke Kranji.

Media republik itu memberi gambaran seolah-olah Malaysia mendesak atau merayu kepada Singapura tempoh pemindahan itu yang didakwa akan berakhir 10 Februari (semalam) dilanjutkan dan kononnya Singapura kelihatan lebih "accomodative".

Kenyataan persetujuan Singapura kepada permintaan Malaysia supaya memindahkan stesen kereta api itu ke Kranji dan bukannya ke Woodlands atau Bukit Timah seperti dicadangkan sebelum ini, dibuat oleh Perdana Menteri, Goh Chok Tong, dalam sidang akhbar bersama dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Rabu lalu.

Tetapi, akhbar Singapura mendakwa 10 Februari sebagai tarikh akhir bagi Malaysia memindahkan stesen itu, bersandarkan butir perjanjian (POA) ditandatangani di antara Perdana Menteri ketika itu, Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada November 1990.

POA itu adalah mengenai tanah Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan persetujuan pemindahan stesen di Tanjong Pagar ke Woodlands lima tahun selepas siapnya stesen sistem pengangkutan awam (MRT) pada 10 Februari 1996.

Tetapi, Malaysia tidak mengiktiraf tarikh akhir 10 Februari itu kerana ia dianggap sudah tidak sah atau terikat. Ini kerana isu itu sudah dimasukkan ke dalam pakej penyelesaian yang dipersetujui dalam perbincangan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh di Hanoi pada 1998.

"Sebaik saja persetujuan menyelesaikan pelbagai isu rumit dua hala dalam satu pakej dicapai antara kedua-dua Perdana Menteri itu, maka POA pada 1990 itu secara automatik sudah tidak terikat lagi. Mengapa perlu bangkit 10 Februari yang sudah "mati", kata seorang pegawai diplomatik negara.

Selain isu tanah KTMB, pakej itu termasuk isu penjualan air ke republik berkenaan, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenar mengeluarkan simpanan mereka daripada Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) selepas berhenti kerja di kota singa itu.

Lawatan kerja tiga hari Abdullah ke Singapura yang berakhir kelmarin bukan untuk membincang butiran lanjut isu dalam pakej itu meskipun ia disentuh secara dasar saja dalam pertemuan dengan Goh.

"Kedua-duanya tidak membincang secara khusus dan pendirian Malaysia ialah untuk menyelesaikan isu itu secara menyeluruh dalam satu pakej, bukan mengasingkan mana-mana isu dalam pakej itu," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan itu.

Dalam sidang akhbar bersama Goh itu, Abdullah memang ada menyebut Malaysia masih memerlukan masa untuk membincangkan isu berbangkit dalam

pakej termasuk soal pemindahan stesen KTMB ke Kranji, tetapi media Singapura mengaitkan kenyataan itu sebagai permintaan Malaysia untuk melewati pemindahan stesen KTMB di Tanjong Pagar, berdasarkan tempoh berakhir 10 Februari.

Wartawan Singapura bagaikan sengaja memancing soalan itu kepada Goh dan Abdullah.

Syed Hamid ketika ditanya mengenai tarikh akhir 10 Februari itu sama ada Malaysia mengiktirafnya atau tidak, bagaimanapun enggan mengulas.

"Apa yang paling penting ialah kita melihat untuk memuktamadkan keseluruhan pakej dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Dalam hubungan ini, Malaysia melihatnya secara pakej menyeluruh. Saya tidak mahu merosakkan lawatan (Abdullah) yang sedang berlangsung," katanya ketika didesak mengenai pendirian Malaysia terhadap tarikh 10 Februari itu dalam sidang akhbar Khamis lalu.

"Janganlah kita melihat kepada siapa yang akan mendapat konsesi, pihak mana yang salah. Kedua-dua negara sudah bersetuju untuk menyelesaikan keseluruhan isu dalam pakej ini termasuk soal bekalan air ke Singapura," katanya.

Dalam sidang akhbar pada hari terakhir lawatannya kelmarin, Abdullah berkata kedua-dua negara mahu menyelesaikan pelbagai isu dua hala yang selama ini kerap menggugat hubungan baik Malaysia dan Singapura, secara menyeluruh.

"Kita cuma berusaha untuk mencapai kemajuan dan menyelesaikan apa saja yang belum diselesaikan. Saya akan memberi laporan kepada Dr Mahathir mengenai perkara itu sekembali ke Kuala Lumpur nanti dan kemudian pegawai kedua-dua negara akan mengadakan mesyuarat untuk menghalusi lanjut isu berbangkit dalam pakej.

Ditanya bila penyelesaian itu boleh dicapai terutama berkaitan isu utama iaitu bekalan air, beliau berkata: "Buat masa ini belum lagi tetapi saya percaya jika kita bekerja lebih kuat, kita akan berupaya menanganinya".

Adalah dirasakan penyelesaian isu dalam pakej itu akan membantu mengurangkan ketegangan yang kerap timbul di antara dua negara jiran tetangga ini.

Namun, lawatan Abdullah itu sendiri boleh dianggap berjaya. Ini kerana penekanan kunjungan itu lebih kepada usaha mewujudkan hubungan di antara rakyat dua negara pada semua peringkat seperti pelajar, belia dan pemimpin politik.

Antara langkah pertama ialah mewujudkan rakan Internet di kalangan pelajar Malaysia dan Singapura melalui program berkembar menerusi Internet di sekolah tertentu di kedua-dua negara.

"Kita nak pelajar ini mengenali antara satu sama lain dan mungkin mereka boleh adakan program bagi mempertemukan mereka. Dalam pertemuan saya dengan Lee Kuan Yew (Menteri Kanan), beliau juga bersetuju dengan cadangan kita untuk memperbanyak lagi hubungan antara rakyat kedua-dua negara pada semua peringkat supaya saling memahami dan merapatkan hubungan," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang turut mengiringi lawatan Abdullah berkata, generasi muda Malaysia dan Singapura perlu mengadakan hubungan rapat yang diharap boleh membantu menangani sebarang ketegangan hubungan pada masa depan serta mengatasi isu dua hala yang kerap tercetus selama ini.

Ketua Pemuda Umno itu berkata, setakat ini hubungan di antara belia kedua-dua negara belum sampai ke tahap yang memuaskan tetapi masih ada banyak ruang untuk memperbaiki keadaan.

Sememangnya, hubungan Malaysia-Singapura kerap terganggu sejak perpisahan republik itu dari negara ini pada 1965 dengan tercetus pelbagai isu dua hala dan yang terbaru ialah kenyataan Goh bahawa pencapaian Melayu Singapura lebih baik berbanding Melayu negara ini, yang menimbulkan

kemarahan rakyat Malaysia.

Hishammuddin berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mewujudkan kegiatan dan program membabitkan belia kedua-dua negara supaya interaksi di antara mereka dapat dipertingkatkan lagi.

Dalam usaha untuk terus merapatkan hubungan dua hala itu, sebarang kenyataan negatif yang boleh menyinggung perasaan jiran perlu dielakkan. Dalam hal ini, akhbar dan pemimpin politik sendiri harus lebih berhati-hati. Tidak dinafikan kekecohan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura selama ini, sedikit sebanyak disumbangkan oleh pihak media dari kota singa itu.

Apa yang diharapkan lawatan Abdullah itu akan memperlihatkan hasilnya dalam tempoh terdekat dan juga bagi jangka masa panjang. Kedua-dua negara ini sedang berusaha menjalinkan hubungan di antara pemimpin muda bukan saja melalui lawatan rasmi malah kunjungan untuk berinteraksi, memahami antara satu dengan yang lain secara lebih dekat.

"Kita sudah nampak bagaimana masa depan Malaysia dan Singapura yang mungkin tidak timbul lagi pergeseran nanti jika semua ini terlaksana dengan jaya. Yang lain kita serahkan kepada Allah," kata seorang pegawai diplomat.

(END)